



Muhammad pada Majlis Makan Malam dan Anugerah Tahunan Takaful 2018 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ringgit paling stabil: BNM

➔ Prestasi mata wang melonjak peringkat serantau

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@nstp.com.my

Ringgit menjadi mata wang paling stabil di rantau ini selepas meningkat 14.6 peratus pada 2017, disokong prospek ekonomi yang kekal kukuh.

Meskipun dengan pencapaian diraih, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad Ibrahim, berkata tidak pernah ada paras sasaran untuk kadar tukaran ringgit membandingkan dengan ekonomi dan

pasaran kewangan yang sentiasa berubah, penetapan paras tertentu kadar pertukaran ringgit adalah tidak produktif.

Katanya, BNM sentiasa menekankan bahawa kuasa pasaran akan menentukan nilai ringgit dan sebarang penyesuaian dilakukan secara beransur-ansur dan teratur, tanpa menyebabkan gangguan yang tidak wajar kepada perniagaan dan isi rumah.

BNM waspada

“Pasaran pertukaran asing boleh berubah-ubah. Oleh itu, Bank Negara harus sentiasa berjaga-jaga, memandangkan keadaan ekonomi dan kewangan global mungkin berubah dengan pantas berikutan banyak perkembangan seperti normalisasi kadar faedah, risiko geopolitik dan kecenderungan untuk mengamalkan dasar yang mungkin menghalang perdagangan terbuka,” katanya ketika berucap pada Majlis

Makan Malam dan Anugerah Tahunan Takaful 2018 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Muhammad berkata, kenalkan dan kestabilan ringgit baru-baru ini bukan sesuatu yang boleh diambil mudah oleh Malaysia supaya tidak mengesepikan perkara yang tidak dijangka berdasarkan pengalaman yang dipelajari pada beberapa tahun kebelakangan ini.

“Penurunan ketara harga minyak global, perubahan drastik dasar gangguan ekonomi utama dan peningkatan ketegangan perdagangan baru-baru ini adalah contoh penting peristiwa yang akan terus memberi kesan kepada ekonomi dan ringgit,” katanya.

Prestasi ekonomi domestik

Sementara itu, beliau berkata, ekonomi domestik berkembang kukuh sebanyak 5.9 peratus pada 2017, disokong oleh pertumbuhan global dan permintaan domestik yang teguh yang

kekal menjadi punca utama pertumbuhan Malaysia.

“Ini bukan hasil daripada usaha satu tahun. Ia adalah satu gambaran mengenai perubahan struktur yang berjaya yang dilakukan selama dua dekad yang lalu.

“Peralihan Malaysia ke arah ekonomi yang dipacu permintaan domestik dan kepelbagaian ekonomi berterusan meletakkan kita dalam kedudukan yang sangat baik untuk menyesuaikan diri dan memanfaatkan perubahan ekonomi global,” katanya.

Muhamad berkata, transformasi lain yang berlaku dalam tempoh dua tahun lalu adalah peningkatan kecanggihan pasaran kewangan dan pasaran pertukaran asing.

“Pengenalan langkah Jawatankuasa Pasaran Kewangan juga meletakkan asas untuk pasaran kewangan dan pertukaran asing yang lebih sihat dan lebih baik,” katanya.